



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Penyemakan Undang-Undang 1968
DR.39/1968

RANG UNDANG² PENYEMAKAN UNDANG²

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Perlantekan Pesurohjaya.
4. Perlantekan Jawatan-kuasa.
5. Penchetakan undang² yang di-semak.
6. Kuasa² Pesurohjaya.
7. Chara menyusun undang² yang di-semak.
8. Pemereksaan oleh Jawatan-kuasa.
9. Undang² yang di-semak hendak-lah mematohi pendapat Jawatan-kuasa.
10. Penerbitan undang² yang di-semak.
11. Siap-nya penyemakan undang² sa-belum tahun 1969 hendak-lah di-beritahu dalam *Warta*.
12. Pengechualian bagi perundangan kechil yang ada sekarang.
13. Penyemakan perundangan kechil.
14. Chetakan sa-mula undang².
15. Rujokan mengenai nombor barisan dalam sa-suatu undang².
16. Tempat Act ini dalam siri Undang² Malaysia.
17. Pemansokhan.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi membuat peruntukan untuk menyemak dan menchetak sa-mula undang² dan perundangan kechil.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Penyemakan Undang², 1968, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada satu hari-bulan Januari, 1969. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain— Tafsiran.

“enactment” erti-nya suatu undang² sa-bagaimana di-ta'arif di-bawah ini atau mana² bahagian undang² itu;

“Jawatan-kuasa” erti-nya Jawatan-kuasa Penyemak Undang² yang di-lantek di-bawah sekshen 4;

“Pesurohjaya” erti-nya Pesurohjaya Penyemak Undang² yang di-lantek di-bawah sekshen 3;

“undang²” erti-nya mana² undang² bertulis berhubung dengan sa-suatu perkara yang Parlimen ada kuasa untuk membuat undang², tetapi, kechuali dalam sekshen 14 dan 15, tidak-lah termasuk Act ini atau mana² perundangan kechil.

3. Yang di-Pertuan Agong hendak-lah, melaluï pemberitahu dalam *Warta*, melantek sa-orang Pesurohjaya Penyemak Undang² bagi maksud menyemak undang² dari sa-masa ka-samasa sa-bagaimana yang di-fikirkan mustahak oleh Pesurohjaya. Perlantekan Pesurohjaya.

4. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan hendak-lah, melaluï pemberitahu dalam *Warta*, melantek suatu Jawatan-kuasa Penyemak Undang² yang mengan-dongi tidak kurang daripada lima dan tidak lebeh daripada Perlantekan Jawatan-kuasa.

tujuh orang ahli dari antara Hakim² dan orang² lain yang, pada pendapat-nya, mempunyai kelayakan yang sesuai bagi maksud memeriksa naskah² deraf undang² yang di-semak.

(2) Sa-saorang ahli Jawatan-kuasa itu hendak-lah memegang jawatan bagi tempoh sa-lama dua tahun dan ada-lah layak untuk di-lantek sa-mula :

Dengan syarat bahawa Ketua Hakim Negara boleh menamatkan jawatan sa-saorang ahli, dan mana² ahli boleh meletakkan jawatan, pada bila² masa.

(3) Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan hendak-lah menjadi Setia-usaha kapada Jawatan-kuasa itu.

Penchetakan
undang²
yang
di-semak.

5. Suatu undang² yang di-semak hendak-lah di-chetak oleh Penchetak Kerajaan, atau oleh mana² penchetak lain sa-bagaimana yang di-lantek oleh Pesurohjaya dalam sa-suatu hal yang tertentu bagi maksud itu.

Kuasa²
Pesurohjaya.

6. (1) Pesurohjaya ada-lah mempunyai kuasa² yang berikut:

(i) meninggalkan dari mana² undang² yang di-semak—

(a) mana² enactment pemansokhan dan apa² susunan atau senarai enactment² yang telah di-mansokhkan, yang terkandung dalam sa-suatu jadual atau lain²;

(b) mana² mukaddimah dalam sa-suatu undang²;

(c) mana² kata permulaan bagi enactment dalam mana² undang² atau peruntukan-nya;

(d) mana² enactment yang menetapkan tarikh bila sa-suatu undang² atau sa-sabahagian-nya akan mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh bila undang² itu atau bahagian-nya mula berkuatkuasa ada-lah di-masokkan oleh Pesurohjaya dalam kurongan² segi sa-lepas sahaja tajok panjang undang² yang di-semak itu;

(e) mana² enactment pemindaan jika pindaan² yang terlibat oleh-nya itu di-masokkan oleh Pesurohjaya dalam undang² yang berkenaan dengan-nya atau telah di-masokkan sa-demikian dalam mana² chetakan sa-mula yang di-chetak menurut mana² undang² bertulis;

(f) mana² ayat yang menjadikan undang²;

- (g) mana² bahagian undang² yang boleh lebeh sesuai di-masokkan sa-bagai perundangan kechil;
- (h) mana² tafsiran mengenai apa² perbahasaan yang ada di-ta'arif dalam undang² yang di-pakai bagi pentafsiran undang² yang di-semak itu dan istilah² itu ada-lah sama atau sa-rupa dengan istilah² yang di-gunakan dalam ta'arif istilah undang² yang di-semak;
- (i) mana² peruntokan yang merujuk kapada sa-suatu perkara dan perkara itu ada di-peruntokkan mengikut istilah² yang sama atau yang sa-rupa dalam undang² yang di-pakai bagi pentafsiran undang² yang di-semak itu:

Dengan sharat bahawa peruntokan berkenaan dengan chara mengertikan undang² pemindaan yang terkandung dalam undang² berkenaan pentafsiran undang² hendak-lah di-pakai bagi ketinggalan² itu sa-olah² peruntokan yang di-tinggalkan itu telah di-mansokhkan; dan

- (j) mengenai sa-suatu undang² berkenaan dengan perkara² yang sa-bahagian-nya dalam Senarai Persekutuan dan—

(A) yang sa-bahagian-nya dalam Senarai Bersama atau Senarai Negeri; atau

(B) yang sa-bahagian-nya dalam Senarai Bersama dan yang sa-bahagian-nya dalam Senarai Negeri,

semua peruntokan kechuali peruntokan² berkenaan dengan perkara² dalam Senarai Persekutuan:

Dengan sharat bahawa kuasa² yang terkandung dalam perenggan ini tidak boleh di-jalankan melainkan sa-lepas berunding dengan Peguam Besar Negeri atau Penasihat Undang² bagi Negeri yang berkenaan itu;

- (ii) mengator susunan undang² yang di-semak dan memberi nombor bab, nombor siri atau nombor² lain kapada-nya;

- (iii) membuat apa² perubahan bentok sa-bagaimana yang perlu atau mustahak kapada mana² undang² bagi maksud mendapatkan persamaan perbahasaan;
- (iv) memakai suatu bentok piawaian yang sesuai dalam semua undang² yang di-semak bagi—
 - (a) sekshen tafsiran;
 - (b) mana² sekshen seksaan;
 - (c) mana² sekshen yang memberi kuasa untok membuat perundangan kechil;
- (v) mengubah perkataan “Enactment”, “Ordinance” atau “Perishtiharan” dalam mana² undang² kapada “Act”;
- (vi) menambahkan tajok panjang atau tajok ringkas kapada mana² undang² yang menghendaki-nya, dan mengubah tajok panjang atau tajok ringkas mana² undang²;
- (vii) mengadakan atau mengubah susunan² kandungan dan hashiah²:

Dengan sharat bahawa susunan² kandungan dan hashiah² itu tidak-lah menjadi sa-bahagian daripada undang² yang mengandongi-nya;
- (viii) menyatukan dalam satu undang² mana² dua atau lebeh daripada dua undang² atau bahagian-nya yang *pari materia* berhubung dengan perkara² yang Parlimen berkuasa membuat undang², tidak kira mana badan perundangan yang telah membuat undang² itu, dengan membuat apa² perubahan sa-bagaimana yang di-perlukan dalam enactment yang di-satukan itu, dan dengan melaksanakan pengubahsuaian² dalam Negeri² yang tertentu di-mana, jika sa-kira-nya pengubahsuaian² itu tidak di-buat, suatu perubahan yang besar akan berlaku kapada undang² yang berkuatkuasa dalam Negeri itu dan dengan menetapkan suatu tarikh yang di-fikirkan sesuai sa-kali bagi mula berkuatkuasa-nya undang² itu;
- (ix) memechahkan mana² undang² kapada dua atau lebeh daripada dua undang² dan membuat apa² pindaan, termasuk memberi tajok², atau mengubah tajok² yang sedia ada sa-bagaimana yang di-dapati perlu;

- (x) menambah kapada atau meninggalkan daripada mana² undang² apa² peruntokan yang di-kehendaki di-tambah atau di-tinggalkan, atau mengganti apa² peruntokan mana² undang² yang di-kehendaki di-ganti, di-sebabkan oleh apa² pindaan yang di-buat kapada undang² itu oleh mana² undang² lain atau oleh sa-suatu pehak-berkuasa mengikut kuasa yang di-beri oleh undang²;
- (xi) memindahkan apa² peruntokan yang terkandung dalam sa-suatu undang² daripada undang² itu kapada mana² undang² lain yang lebih sesuai bagi peruntokan itu, dengan membuat apa² perubahan yang di-dapati perlu;
- (xii) mengubah susunan peruntokan² dalam mana² undang², dan menomborkan sa-mula peruntokan² mana² undang²;
- (xiii) mengubah bentok atau susunan peruntokan mana² undang² dengan menukar tempat perkataan², dengan menchantumkan ka-semua-nya atau sa-bahagian-nya dengan suatu peruntokan lain atau peruntokan² lain atau dengan memechahkan-nya kapada dua atau lebih daripada dua peruntokan;
- (xiv) memechahkan mana² undang², sama ada yang di-satukan atau yang tidak di-satukan, kapada bahagian² atau penggal² lain;
- (xv) membetulkan kesilapan nahu, chetak dan kesilapan² yang sa-umpama-nya dan bagi maksud itu menambah, meninggalkan atau mengubah apa² perkataan dengan tidak menyentoh pengertian mana² undang²;
- (xvi) mengubah, memasokkan atau meninggalkan tanda² bacaan dalam mana² undang²;
- (xvii) membuat apa² perubahan bentok tentang nama, tempat, jabatan, pejabat, nama jawatan dan lain² sa-bagaimana yang perlu untuk mensesuaikan mana² undang² dengan keadaan² Persekutuan pada tarikh bila undang² dalam bentok-nya yang di-semak itu mula berkuatkuasa;
- (xviii) membuat apa² persesuaian atau pindaan sa-bagaimana yang di-dapati perlu atau patut di-sebabkan oleh apa² perubahan tentang keanggotaan Persekutuan atau mana² bahagian-nya atau mana² bahagian Komanwel;
- (xix) membetulkan rujokan²-silang termasuk rujokan² mengenai undang² bagi wilayah² lain;

- (xx) membetulkan rujukan² mengenai undang² yang di-mansokhkan dengan menggantikan rujukan² itu dengan rujukan² mengenai mana² undang² yang telah memansokhi-nya, dan bagi maksud itu ada-lah di-ishtiharkan bahawa suatu undang² ada-lah di-sifatkan sa-bagai di-ganti dengan suatu undang² lain jika sa-kira-nya di-nyatakan dengan nyata-nya dalam undang² yang kemudian-nya itu bahawa ia ada-lah menggantikan undang² yang di-mansokhkan itu, atau jika sa-kira-nya undang² yang kemudian-nya itu menjadikan undang² sa-mula, sama ada dengan pengubahsuaian atau tidak, mana² peruntukan undang² yang di-mansokhkan itu;
- (xxi) memansokh atau meminda mana² enactment oleh sebab penyediaan undang² yang di-semak;
- (xxii) menetapkan tarikh bila sa-suatu undang² yang di-semak itu akan mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh bila undang² yang di-semak itu di-terbitkan dalam *Warta*.
- (xxiii) membuat segala perkara lain berhubung dengan bentuk dan kaedah yang perlu untok memperkemaskan suatu undang² yang di-semak.

(2) Dalam sekshen-kechil (1) “pindaan” termasuk-lah, jika ia di-gunakan berhubung dengan kuasa² yang di-beri kapada Pesurohjaya, apa² perubahan undang² yang perlu untok melaksanakan mana² enactment dalam mana² undang² lain supaya dengan demikian itu bidang, kuatkuasa atau pengertian mana² peruntukan undang² yang mula² tersebut itu di-ubah, di-ubahsuai, di-perluas, di-had, di-persyarat atau tersentuh sa-chara lain.

(3) Kuasa² yang di-beri kapada Pesurohjaya oleh sekshen-kechil (1) tidak-lah boleh di-ertikan sa-bagai ia berkuasa untok membuat apa² perubahan atau pindaan tentang isi mana² undang².

Chara
menyusun
undang²
yang
di-semak.

7. Suatu undang² yang di-semak hendak-lah di-susun mengikut apa² bentuk sa-bagaimana yang di-fikirkan mustahak oleh Pesurohjaya dan hendak-lah mengandongi—

(i) di-muka hadapan-nya—

(a) perbahasaan “Undang² Malaysia”;

(b) tajok ringkas dan nombor undang² yang di-semak itu;

- (c) tarikh yang sa-hingga-nya undang² itu di-semak; dan
- (d) tarikh yang di-tetapkan di-bawah seksyen 6 (1) (xxii) bila undang² yang di-semak itu akan mula berkuatkuasa;
- (ii) suatu senarai undang² yang telah meminda undang² itu sa-hingga tarikh penyemakan-nya dengan menunjukkan tarikh² bila pindaan² itu mula berkuatkuasa;
- (iii) suatu senarai undang² atau bahagian²-nya yang di-ganti atau di-mansokh oleh undang² yang di-semak itu;
- (iv) suatu senarai pindaan² yang di-buat oleh Pesurohjaya dalam chetakan undang² itu.

8. (1) Pesurohjaya hendak-lah menghantar sa-puloh naskhah deraf tiap² undang² yang di-semak kepada Jawatan-kuasa untuk pemereksaan-nya. Jawatan-kuasa itu hendak-lah memereksa naskhah² deraf itu dan memperakuⁱ kepada Pesurohjaya sama ada pada pendapat Jawatan-kuasa itu pindaan² yang di-buat oleh Pesurohjaya ada-lah mengikut atau tidak mengikut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh Act ini. Jika Jawatan-kuasa itu tidak memperakuⁱ sa-demi-kian dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh naskhah deraf itu di-terima oleh Setia-usaha Jawatan-kuasa itu maka pindaan² itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-perakuⁱ sa-bagai mengikut kuasa² Pesurohjaya dan Pesurohjaya boleh-lah meneruskan tindakan mengikut seksyen 10 (1).

Pemereksaan
oleh
Jawatan-
kuasa.

(2) Sah-nya sa-suatu perakuan yang di-beri oleh Jawatan-kuasa itu di-bawah seksyen-kecil (1) tidak-lah boleh terchachat oleh apa² kekosongan dalam keanggotaan Jawatan-kuasa itu atau oleh sebab sa-saorang ahli-nya tidak berupaya buat sementara untuk memberi pendapat-nya oleh kerana ahli itu tidak ada, uzor atau oleh kerana sebab² lain.

9. Jika Jawatan-kuasa memperakuⁱ bahawa sa-suatu pindaan ada-lah tidak mengikut kuasa² Pesurohjaya maka Pesurohjaya hendak-lah, sa-belum meneruskan tindakan mengikut seksyen 10 (1), meminda deraf undang² yang di-semak untuk mematohi pendapat Jawatan-kuasa itu.

Undang²
yang
di-semak
hendak-lah
mematohi
pendapat
Jawatan-
kuasa.

10. (1) Suatu undang² yang di-semak yang mengandongi pindaan² yang telah di-perakuⁱ atau yang di-sifatkan sa-bagai telah di-perakuⁱ oleh Jawatan-kuasa sa-bagai mengikut kuasa² Pesurohjaya hendak-lah di-terbitkan dalam *Warta* dan hendak-lah berkuatkuasa mulaⁱ dari tarikh yang dinyatakan menurut seksyen 7 (1) (d).

Penerbitan
undang²
yang
di-semak.

(2) Pada dan sa-lepas daripada tarikh sa-suatu undang² yang di-semak berkuatkuasa, undang² yang di-semak itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai dan ia hendak-lah menjadi, dengan tidak di-persoal apa² jua pun dalam semua mahkamah dan bagi segala maksud, undang² yang tunggal dan yang sa-patut-nya bagi perkara² yang termasuk di-dalam-nya dan yang berkuatkuasa pada tarikh itu.

Siap-nya
penyemakan
undang²
sa-belum
tahun 1969
hendak-lah
di-beritahu
dalam
Warta.

11. Dengan sa-berapa segera yang boleh, Pesurohjaya hendak-lah, melalui pemberitahu dalam *Warta* (yang akan di-terbitkan dalam Tambahan Act), memperakui bahawa penyemakan semua undang² yang di-perbuat sa-belum satu haribulan Januari, 1969 (kechuali undang² yang di-nyatakan dalam pemberitahu itu), yang belum di-mansokhkan pada tarikh pemberitahu itu, telah siap dan dengan yang demikian mana² undang² yang belum di-semak di-bawah Act ini dan yang belum di-nyatakan dalam pemberitahu itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-mansokhkan mulai dari tarikh pemberitahu itu di-terbitkan.

Pengechua-
lian bagi
perundangan
kecil
yang ada
sekarang.

12. Perundangan kecil yang di-buat di-bawah mana² undang² dan yang berkuatkuasa pada tarikh bila undang² yang di-semak itu mula berkuatkuasa hendak-lah terus berkuatkuasa sa-hingga di-peruntukkan sa-lain-nya; dan rujokan² dalam mana² perundangan kecil itu kepada undang² yang di-bawah-nya perundangan kecil itu telah di-buat, atau kepada mana² bahagian-nya, atau kepada mana² undang² lain yang di-semak hendak-lah di-ertikan sa-bagai rujokan² kepada undang² yang di-semak itu atau kepada undang² lain yang telah di-semak itu.

Penyemakan
perundangan
kecil.

13. (1) Maka hendak-lah di-sediakan, dengan sa-berapa segera yang boleh, sa-bagai tambahan kepada tiap² satu undang² yang di-semak, satu chetakan perundangan kecil yang di-semak di-bawah undang² yang di-semak itu sa-bagaimana yang di-dapati oleh Pesurohjaya sa-bagai chukup mustahak untuk di-masokkan di-dalam-nya.

(2) Peruntokan² Act ini berhubong dengan menyedia dan menerbitkan suatu undang² yang di-semak hendak-lah di-pakai dengan apa² pengubahsuaian yang perlu bagi menyedia dan menerbitkan perundangan kecil yang di-semak.

Chetakan
sa-mula
undang².

14. Jika sa-suatu undang², sama ada telah di-semak atau tidak, telah di-pinda, Penchetak Kerajaan atau mana² penchetak lain sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Pesurohjaya dalam sa-suatu hal yang tertentu bagi maksud itu boleh, dengan kuasa Pesurohjaya, menchetak naskhah²

undang² itu bersama dengan tambahan², ketinggalan², atau penggantian² yang perlu yang di-buat oleh mana² undang² yang meminda-nya; dan mana² naskhah undang² itu yang berupa sa-bagai di-chetak sa-demikian hendak-lah di-sifatkan, sa-hingga akas-nya di-buktikan, sa-bagai naskhah yang sah bagi undang² yang di-pinda sa-bagaimana yang berkuatkuasa pada tarikh yang di-nyatakan itu, kechuali sa-takat yang di-nyatakan dalam naskhah itu.

15. Rujokan dalam mana² undang² mengenai nombor barisan sa-suatu peruntokan dalam mana² undang² ada-lah bererti barisan dalam chetakan naskhah rasmi yang terakhir bagi undang² itu pada masa undang² yang mengandongi rujokan itu di-perbuat.

Rujokan mengenai nombor barisan dalam sa-suatu undang².

16. Act ini hendak-lah menjadi Act pertama dalam siri "Undang² Malaysia" dan hendak-lah di-nomborkan Act 1.

Tempat Act ini dalam siri Undang² Malaysia.

17. Act Chetakan Sa-mula Undang² Persekutuan, 1965, ada-lah dengan ini di-mansokhkan dan sekshen 48 Ordinance Tafsiran dan Fasal² Am, 1948, sa-takat mana sekshen itu ada-lah undang² persekutuan, hendak-lah terhenti daripada di-pakai sa-lepas mula berkuatkuasa Act ini.

Pemansokhan.
26 tahun 1965.
K.T.M. 7 tahun 1948.

HURAIAN

Maksud Rang Undang² ini ia-lah untok membenarkan penyediaan suatu chetakan undang² Malaysia yang di-semak.

Semenjak Hari Malaysia, penyemakan undang² terdiri daripada—

- (a) perluasan, dengan pengubahsuaian² yang perlu, undang² Persekutuan Tanah Melayu yang dahulu mengenai perkara² persekutuan ka-Sabah dan ka-Sarawak;
- (b) pengubahsuaian undang² Sabah dan Sarawak yang menjadi undang² persekutuan pada Hari Malaysia, supaya bersesuaian dengan Perlembagaan Persekutuan; dan
- (c) perchetakan sa-mula undang² yang di-perluas dan di-ubahsuai demikian itu.

Maka sekarang ini sampai-lah masa-nya bagi penyemakan undang² memasoki suatu peringkat baharu ia-itu mengeluarkan suatu naskhah yang lengkap dengan menyatukan undang² persekutuan bagi Malaysia dalam bentok chetakan undang² yang di-semak.

Fasal 1 dan 2 Rang Undang² itu mengandongi permulaan² biasa.

Fasal 3 mengadakan peruntokan bagi perlantekan sa-orang Pesurohjaya Penyemak Undang² (di-rujok di-dalam ini sa-bagai Pesurohjaya) oleh Yang di-Pertuan Agong.

Fasal 4 mengadakan peruntokan bagi perlantekan suatu Jawatan-kuasa Penyemak Undang² (di-rujok di-dalam ini sa-bagai Jawatan-kuasa) oleh Ketua Hakim Negara;

Fasal 5 mengadakan peruntukan bagi menchetak chetakan undang² yang di-semak.

Fasal 6 memberi kapada Pesurohjaya kuasa² yang perlu untuk membolehkan-nya menyemak undang² dengan tidak mengubah isi-nya. Peruntukan² yang sa-umpama ini ada-lah biasa dalam undang² jenis ini. Tauladan² Malaysia telah di-ikuti dengan pengubahsuaian dan tambahan yang kechil.

Fasal 7 menetapkan format bagi chetakan undang² yang di-semak. Fasal ini ada-lah berkenaan dengan bentok "suatu undang² yang di-semak" dan bukan-nya "chetakan undang² yang di-semak" untuk membolehkan Pesurohjaya mengeluarkan suatu chetakan berchurai yang akan lebeh sesuai daripada jilid² biasa yang di-keluarkan dalam masa² yang sudah. Fasal ini juga akan lebeh menyenangkan kerja tentang susunan dan masa perchetakan: Pesurohjaya ada-lah bebas untuk memberi keutamaan mengikut apa yang di-kehendaki, dan undang² yang di-semak boleh di-terbitkan sa-telah sahaja undang² itu siap, dengan tidak payah menunggu kesemua jilid itu siap sa-bagaimana yang berlaku bagi chetakan² berjilid yang dahulu itu.

Fasal 8 bermaksud untuk mengadakan berek terhadap penjalanan kuasa² Pesurohjaya. Pesurohjaya akan di-kehendaki menghantar satu deraf bagi tiap² undang² yang di-semak kapada Jawatan-kuasa untuk di-pereksa. Tiap² naskhah undang² yang di-semak akan mengandongi suatu senarai pindaan² yang di-chadang hendak di-buat-nya dalam masa penyemakan, dan terpulang-lah kapada Jawatan-kuasa untuk memutuskan sama ada pindaan² ini mengikut kuasa²-nya. Jika Jawatan-kuasa memperakuⁱ sa-demikian maka Pesurohjaya boleh-lah meneruskan tindakan supaya undang² yang di-semak itu di-terbitkan.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bahawa jika Jawatan-kuasa memperakuⁱ bahawa sa-suatu pindaan ada-lah tidak mengikut kuasa² Pesurohjaya, Pesurohjaya hendak-lah, sa-belum meneruskan tindakan untuk penerbitan, meminda undang² yang di-semak untuk mematohi pendapat Jawatan-kuasa.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bagi menerbitkan tiap² undang² yang di-semak di-dalam *Warta* dan juga memberi taraf saheh yang tunggal kapada undang² yang di-semak itu apabila ia di-terbitkan sa-demikian itu.

Fasal 11 menghendaki Pesurohjaya memperakuⁱ, melalui pemberitahu dalam *Warta*, siap-nya penyemakan semua undang² yang telah di-perbuat sa-belum 1hb Januari, 1969. Ada-lah di-chadangkan supaya semua undang² yang belum lagi di-semak sa-hingga tarikh pemberitahu itu di-sifatkan sa-bagai telah di-mansokhkan, kechuali undang² yang di-nyatakan dalam pemberitahu itu. Ada-lah suatu amalan biasa bagi mengadakan dalam chetakan² undang² yang di-semak suatu "Jadual Ketinggalan" mengenai undang² yang walau pun tidak di-semak ada-lah tidak di-mansokhkan: mithal-nya, jika Pesurohjaya tahu bahawa sa-suatu undang² akan di-mansokhkan atau di-ganti oleh suatu Act Parlimen dalam masa tidak beberapa lama lagi, maka akan membuang masa sahaja-lah memasokkan-nya dalam chetakan undang² yang di-semak tetapi ia mesti-lah terus berkuatkuasa sa-hingga undang² yang memansokh atau yang menggantikan-nya itu di-luluskan.

Fasal 12 bermaksud untuk mengechualikan perundangan kechil yang telah di-buat, sa-belum penyemakan, di-bawah suatu undang² yang ada di-masokkan dalam chetakan undang² yang di-semak.

Fasal 13 mengadakan peruntukan bagi menyemak perundangan kechil sa-bagai tambahan kapada penyemakan undang² yang di-bawahnya ia telah di-buat. Ada-lah di-chadangkan supaya masa dan kandungan bagi tambahan perundangan kechil itu di-tinggalkan kapada budibichara Pesurohjaya, untok mengelakkan kelambatan menerbitkan undang² statut yang di-semak dan juga oleh kerana bukan semua perundangan kechil akan berfaedah di-masokkan. Ada-lah di-chadangkan supaya perundangan kechil yang di-semak di-rujokkan kapada Jawatan-kuasa, dan dengan itu terdapat-lah "berek" yang di-rujok di-bawah *Fasal 8*.


Fasal 14 mengadakan peruntukan bagi membenarkan perchetakan sa-mula undang²—berlainan daripada penyemakan.

Fasal 15 mengadakan peruntukan supaya rujokan² mengenai nombor sa-suatu barisan dalam mana² undang² bererti barisan dalam undang² itu sa-bagaimana yang di-semak di-bawah Act ini atau dalam chetakan sa-mula yang terakhir undang² itu.

Fasal 16 ada-lah suatu peruntukan biasa sahaja.

Fasal 17 berchadang untok memansokhkan Act Chetakan Sa-mula Undang² Persekutuan, 1965 dan sekshen 48 Ordinance Tafsiran dan Fasal² Am, 1948, yang tidak akan di-kehendaki lagi jika Rang Undang² ini di-luluskan.

[PN. 4589.]



REVISION OF LAWS BILL

ARRANGEMENT OF CLAUSES

Clause

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.
3. Appointment of Commissioner.
4. Appointment of Committee.
5. Printing of revised laws.
6. Powers of the Commissioner.
7. Method of compiling a revised law.
8. Examination by the Committee.
9. Revised law to comply with Committee's opinion.
10. Publication of revised law.
11. Completion of revision of pre-1969 laws to be notified in *Gazette*.
12. Saving of existing subsidiary legislation.
13. Revision of subsidiary legislation.
14. Reprint of laws.
15. Reference to number of line in any law.
16. Place of this Act in the laws of Malaysia series.
17. Repeal.

Amendments to be moved in committee
by the Hon'ble the Minister

Section 6(1)(i)(h) & (i): For the words
"the revised law" which occur in lines 5
and 4 respectively substitute "the law
after it has been revised";

Section 6(1)(iii): At the end thereof add the
words "or to bring the law into conformity
with the provisions of the law applicable
for the interpretation of the law after
it has been revised".

These amendments are consequential to the
interpretation (Amendment) Bill which is being taken
this meeting.

Attorney-General's Chambers,
Kuala Lumpur.
10th October, 1968.

AG. 4589_7

RANG UNDANG2 PENYEMAKAN UNDANG2, 1968

Pindaan2 untok di-chadangkan dalam
jawatan-kuasa oleh Yang Berhormat Mentri

Sekshen 6(1)(i)(h) & (i): Potong perkataan
"yang di-semak" di-akhir sekshen 6(1)(i)(h)
dan di-akhir bahagian pertama sekshen
6(1)(i)(i) dan gantikan dengan perkataan
"itu sa-lepas ia di-semak";

Sekshen 6(1)(iii): Tambah di-hujong-nya
perkataan "atau bagi mensesuaikan undang2
itu supaya sa-laras dengan peruntukan

Huraian

Pindaan2 ini ada-lah berbangkit daripada Rang
Undang2 (Pindaan) Tafsiran yang di-bentangkan
dalam meshuarat ini.

Jabatan Peguam Negara,
Kuala Lumpur.
14hb. Oktober, 1968.

[PN. 4589]